

KASHMIR - SEPERTI GUNUNG BERAPI YANG AKAN MELETUS?

Masalah Kashmir dari semasa ke semasa bertambah genting. India menghendaki supaya Kashmir masuk ke dalam India sedang Pakistan menghendaki supaya Kashmir yang banyak penduduk daripada bangsa Islam masuk di dalam wilayah Pakistan dan sebagai suatu daerah yang menjadi punca keselamatan dan kehidupan Pakistan. Dengan kerana itu maka masalah Kashmir ini adalah menjadi suatu masalah yang rumit yang dari semasa ke semasa menjadi pertentangan di antara kedua-dua belah pihak yang harus pada bila-bila masa jua akan meletus di sana suatu punca peperangan di antara kedua-dua kerajaan itu. Dengan ini maka masalah Kashmir itu adalah satu masalah yang mustahak kita kaji segi-seginya yang menjadi punca perbalahan itu dan demikian itu kita berasa syukur menyambut tulisan ini yang kita meminta penulisnya Kapten Mas'ud seorang wartawan Pakistan yang terkenal menulis di dalam perkara yang tersembunyi di dalam masalah Kashmir dan hal-hal di sebaliknya yang patut kita kaji dengan jelas terutamanya untuk mengetahui hal ehwal kedudukan dan tuntutan saudara-saudara Muslimin kita di sana. Kapten Mas'ud ialah penulis kepada Karachi Gizyah dan dahulunya menjadi pengarang akhbar Juan dan sekarang sebagai wartawan rasmi kerajaan Pakistan yang berada di Singapura. - P.


(I)

HAK PAKISTAN

Suatu keadaan seolah-olah tenang meliputi di seluruh sempadan India dengan Pakistan. Tetapi sebulan dahulu ada bergerak suatu kejenteraan alat peperangan baharu yang mengacu-acukan suatu perjuangan senjata di antara dua ahli kومنwelnya yang mana harus boleh dikatakan akan menyalakan sumbu kebakaran yang akan meliputi seluruh dunia dalam kebakarannya.

Saya telah berkata dengan bersenghaja bahawa suatu keadaan "seolah-olah tenang" meliputi; kerana janganlah kiranya kita terpedaya oleh suatu kepercayaan bahawa ketegangan di antara India dan Pakistan telah meluputkan dirinya. Biarlah saya khabarkan kepada tuan bahawa suatu bahaya yang

sebenar masih bergantung di udara dan selagi masalah Kashmir itu masih belum dihuraikan maka bahaya masih wujud. Sekurang-kurangnya satu pihak kepada perbalahan itu iaitu Pakistan, tidak boleh, dan tidak akan menunggu dengan tidak tentu masa bagi kesedaran dunia bangkit dan bergerak dengan memberi kesan pada menghuraikan suatu kesalahan



Suatu pemandangan yang indah di Sungai Kishanganga berhampiran dengan Muzaffarabad di Kashmir.

yang besar yang telah berlaku atas kecabulan dari segala lunas keadilan dan akhlak berkaitan bangsa-bangsa. Oleh itu sangat-sangatlah mustahak bagi umat Malaya, khasnya orang-orang Islam, mengetahui dan mengerti akan perkara-perkara yang bersabit dalam perbalahan ini dan mengangkat suara mereka menyokong puak yang telah mengasaskan perjalanannya mengikut semangat Piagam Atlantik dan menggunakan segala kesabaran yang dapat dijalankan kerana tujuan keamanan dunia.



Mujahid-mujahid Pakistan yang mempertahankan Kashmir sedang mengambil wuduk kerana sembahyang.

Perjuangan berjalan terus sedang kewajipan ibadat ditunaikan – begitulah sifat seorang Muslim.

-----*-----*----- *-----*----- *-----*-----

Apakah ia punca-punca masalah Kashmir itu? Kashmir ialah sebuah negara yang beraja, luasnya 84,471 persegi batu hampir-hampir sama besar dengan Britian, menganjur di sepanjang-sepanjang timur, timur laut dan utara sempadan Pakistan. Sejarahnya berbalik kepada zaman purba kala iaitu sebelum zaman Kristian. Adalah ia sebahagian daripada empat air Buddies yang maha besar yang bernama Ashoka dan Kanishka (272 tahun sebelum Isa). Buddha dan agama Hindu kedua-duanya lucut satu persatu dan pada permulaan kurun yang keempat belas seorang ketua bangsa Tibet, Rinchan namanya yang telah menawan Kashmir, telah masuk di bawah pengaruh Syed Abdul Rahman atau Bulbul Shah, seorang ahli sastera Muslim dan penyair agama; lalu ia memeluk Islam. Ia telah memerintah dengan kebahagiaan dengan nama Sultan Badaruddin.

Bangsa Moghul, pada gilirannya telah memerintah Kashmir selama lebih daripada 200 tahun dan Akhbar Jahangir Shah Jahan dan Aurangzib, Alamgir semuanya telah melawat Kashmir. Mereka semua telah meninggalkan banyak tanda-tanda yang tinggi mutunya berkenaan dengan persekutuan mereka dengan Kashmir iaitu merupakan taman-taman, bangunan-bangunan, mahligai-mahligai dan masjid-masjid. Mereka dengan membina jalan-jalan raya dan

rumah-rumah rehat, dan perniagaan pelawat telah maju dengan memberikan suatu yang besar kepada dunia akan pertukangan-pertukangan Kashmir yang masyhur, kain-kain selendang dan kertas-kertas perkakas-perkakas kayu dan permaidani-permaidani. Apabila kuasa Moghul di Delhi lemah, orang-orang Afghanistan telah menawan Punjab dan Kashmir dan mereka telah memerintah, atau menguasai Kashmir selama 67 tahun. Dalam permulaan kurun yang kesembilan belas Ranjit Singh telah menubuhkan suatu keturunan bangsa Sikh di Punjab. Ia berpaling mengadap Kashmir dan lepas daripada suatu percubaan keras ia telah menawan daerah itu.

Kekuasaan bangsa Sikh telah berkuasa di Kashmir hanya bagi 20 tahun sahaja dan anak Ranjit Singh, Asyir Singh namanya, setelah dikalahkan oleh British terpaksa menyerahkan negara Jammu dan Kashmir kepada tentera East India Company sebagai bayaran ganti rugi peperangan kewangan Company itu telah susut. Oleh itu mereka jualkan seluruh daerah itu kepada seorang yang bernama Gulab Sing dengan harga 7,500,000 rupee. Urusan jualan itu adalah dinamakan perjanjian Amritsar tahun 1846. Sejarah tidak dapat merawatkan suatu urusan penjualan yang

sebegitu buruk keadaannya iaitu sebuah daerah yang besar lagi kaya seperti itu dengan mempunyai bermillion-million penduduk-penduduk telah dijual dengan harga yang murah dengan tidak sedikit pun memberi pandangan kepada kehendak-kehendak dan perasaan-perasaan rakyatnya, harapan dan kemahuan mereka.

Gulab Singh itu pada suatu masa ialah seorang Suruhan Raja bangsa Sikh yang bernama Ranjit Singh itu dengan mendapat gaji tiga rupiah sebulan. Ranjit Singh sangat-sangat suka atas taat setianya dan kerana hendak menunjukkan kemurahan hatinya maka diangkatkan Gulab Singh menjadi Gabenor daerah Jammu. Daripada wang yang didapatinya dengan tipu dayanya pada masa ia menjalankan pekerjaan Gabenor itu maka sekarang ia telah membeli akan rumah tempat tinggal tuannya yang dahulu. Gulab Singh ialah pengasas keturunan Dogra yang telah memerintah Kashmir semenjak itu. Pemerintah yang sekarang Hari Singh ialah anak saudara kepada cucu Gulab Singh.

Dalam pemerintahan Gulab Singh orang-orang Islam Kashmir adalah dalam keadaan yang seburuk-buruknya dan berdukacita. Ia meneruskan undang-undang dan amalan-amalan yang tiada berkemanusiaan dari semenjak permulaan pemerintahan bangsa Sikh. Orang-orang Islam tidak dibenarkan melaungkan azan (bang) di masjid-masjid dan membunuh seekor lembu betina adalah dihukum dengan hukuman bunuh. Hanya dalam masa pemerintahan anaknya Ranhir Singh, dengan percampuran pihak berkuasa British di Delhi maka hukuman itu telah dikurangkan kepada tujuh tahun penjara. Undang-undang ini masih lagi berjalan kuat kuasanya sehingga hari ini dan seseorang Muslim di Kashmir yang menyembelih seekor lembu betina mestilah menghabiskan masa kehidupannya tujuh tahun lamanya dalam sebuah gua penjara di dalam keadaan-keadaan yang amat bengis. Ini saya sebutkan sebahagian daripada undang-undang itu. Bahagian 219 dari setiap panel kod (undang-undang negara) mensyaratkan bahawa:

“Jika seseorang dengan sengaja menyembelih atau membunuh seekor lembu betina, lembu jantan atau anak lembu atau binatang yang seumpamanya itu maka ia akan dihukum dengan penjara

yang harus lanjut sampai tujuh tahun dan denda.

Denda itu harus berjumlah lima kali ganda daripada harga lembu betina menurut tafsir tuan hakim’ dan

“Jika seseorang ada dalam simpanannya daging binatang-binatang yang disembelih atau yang dibunuh iaitu binatang-binatang yang disebutkan di atas tadi, dengan mengetahui bahawa daging itu larangan maka ia akan dihukum dengan penjara sampai satu tahun dan juga denda sehingga 500 rupee.”

Inilah pemerintahan Dogra yang India mau dikekalkan dalam negeri Kashmir yang sudah lama terzalim itu; dan India berkehendakkan dunia percaya bahawa orang-orang Islam Kashmir itu sendiri suka hendak mengekalkan suatu pemerintahan yang di dalamnya nyawa mereka adalah berharga lebih sedikit daripada kulit lembu.

Saya akan beri satu lagi contoh menunjukkan bagaimana orang-orang Islam dibeza-bezakan dalam sebuah negeri yang mereka itu menjadi penduduk yang banyak sekali.

Sebahagian besar daripada penduduk-penduduk bukit Jammu itu hidup dengan berternak kambing biri-biri dan kambing biasa. Sebahagian daripada tuan-tuan punya kambing ini diketahui dengan nama Gadadi dan sebahagian dengan nama Bakrowal.

Seseorang Gadadi terpaksa membayar suatu cukai yang ditetapkan iaitu dua ana bagi tiap-tiap seekor kambing tetapi seseorang Bakrowal mesti membayar 30 ana, dinaikkan lagi tiga ana tiap-tiap tahun.

Dapatkah tuan-tuan meneka akan sebabnya perbezaan yang besar ini di antara apa yang seseorang Gadadi mesti bayar kepada negara dan apa yang seseorang Bakrowal mesti bayar? (sebabnya akan diterangkan dalam sambungan makalah ini)

Bumi Allah ini luas tetapi apabila tiada keputusan maka ia sempit – tidak ada tempat hendak lari – Syair Islam.

* * * *

Kalau kehinaan dan kematian itu orang suruh pilih maka tentu sahaja saya akan memilih kematian Islam – Hakim.

* * * *

Di Eropah orang berbini dua tak boleh tetapi berperempuan banyak tidak mengapa – Haji Agus Salim.